

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**NO. RUJ : DN14**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memulihkan harta pusaka tak dituntut bernilai RM60 billion yang beku dan tidak dimanfaatkan supaya ia boleh memberi sumbangan kepada ekonomi Negara.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian sentiasa komited dalam usaha membuat promosi secara berterusan melalui program *outreach* atau 'turun padang' kepada masyarakat dalam memberi kesedaran kepada umum agar bersegera membuat tuntutan harta pusaka sebaik berlaku kematian kepada pemilik harta.

Pada tahun 2015, sebanyak 136 program telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia yang hasilnya menunjukkan peningkatan dalam jumlah permohonan sebanyak 61,443 kes berbanding 58,690 kes pada tahun sebelumnya.

Sepanjang tahun 2010 hingga 2015, Kementerian telah menyelesaikan sejumlah RM42.1billion harta pusaka berbanding jumlah keseluruhan RM54.1billion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN : 269**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pembayaran pampasan kepada waris-waris penumpang pesawat MH370 dan MH17 telah dibayar dan diagihkan dan bilangan yang menolaknya setakat ini.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pampasan yang dibayar kepada waris mangsa nahas penerbangan MH370 dan MH17 adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Dalam hubungan ini, MAS telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment (ACP)*) dan Pakej Bantuan Krew (*Crew Assistance Package*) berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang dan anak kapal MH370 dan MH17.

Setakat Februari 2016, bagi waris/keluarga penumpang MH370, sebanyak 87 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan pendahuluan, 42 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan penuh dan muktamad manakala. 163 waris/keluarga penumpang sedang berunding untuk pembayaran pampasan penuh. Selain itu, baki sebanyak 22 waris masih belum membuat sebarang tuntutan dan pihak MAS sedang berusaha untuk berhubung dan berbincang dengan mereka untuk tindakan lanjut.

Bagi waris/keluarga penumpang MH17 pula, sebanyak 267 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan pendahuluan, 2 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan penuh dan muktamad manakala 233 waris/keluarga

penumpang sedang berunding untuk pembayaran pampasan penuh. Selain itu, baki sebanyak 48 bagi waris/keluarga penumpang masih belum membuat sebarang tuntutan dan pihak MAS sedang berusaha untuk berhubung dan berbincang dengan mereka untuk tindakan lanjut.

Setakat ini, masih belum ada lagi waris/keluarga penumpang MH370 dan MH370 yang menolak bayaran pampasan.